

**AMALAN TAKSIRAN ZAKAT PERTANIAN
DALAM KALANGAN USAHAWAN PADI DI
KAWASAN LEMBAGA KEMAJUAN
PERTANIAN KEMUBU (KADA), KELANTAN**

MOHD RIZAL ABU BAKAR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2016

**AMALAN TAKSIRAN ZAKAT PERTANIAN
DALAM KALANGAN USAHAWAN PADI DI
KAWASAN LEMBAGA KEMAJUAN
PERTANIAN KEMUBU (KADA), KELANTAN**

oleh

MOHD RIZAL ABU BAKAR

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Ogos 2016

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah SWT yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, keluarga Baginda, para sahabat, *tabi'in*, *tabi' al-tabi'in* serta sesiapa sahaja yang komited mengikuti jejak langkah mereka sehinggalah ke hari kiamat.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana hanya dengan kurnia, rahmat serta keizinan-Nya tesis ini dapat diselesaikan. Setinggi-tinggi penghargaan buat Dr. Zahri Hamat selaku penyelia utama di atas bimbingan yang sangat bernilai dalam proses penghasilan tesis ini. Segala didikan dan bimbingan yang diberikan secara langsung atau tidak langsung telah memberi perangsang dan dorongan kepada penyelidik untuk menyempurnakan tesis ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Dr. Mohd Shukri Hanapi sebagai penyelia bersama yang tidak pernah jemu membimbing, memberi tunjuk ajar dan cadangan-cadangan sepanjang kajian ini dijalankan.

Penyelidik mengucapkan berbilang terima kasih kepada Prof. Dr. Azlinda Azman, Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Prof. Madya Dr. Azrina Husin, Timbalan Dekan (Akademik, Pelajar dan Alumni) Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Prof. Madya Dr. Malina Malik, mantan Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Pengarah Pusat Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) iaitu Profesor Dr. Muhammad Syukri Salleh serta pensyarah-pensyarah ISDEV. Semoga tunjuk ajar dan didikan ikhlas yang telah dicurahkan mendapat ganjaran yang tinggi di sisi Allah SWT.

Jutaan terima kasih juga kepada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan dan Institut Pengajian Siswazah USM atas bantuan dan kemudahan yang disediakan sepanjang proses kajian ini. Ucapan terima kasih ditujukan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT),

Malaysia di atas peluang dan bantuan kewangan yang telah diberikan. Penghargaan juga ditujukan kepada Universiti Sains Malaysia (USM) di atas geran yang dikeluarkan. Tesis ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan yang bertajuk *Perakaunan Zakat Pertanian Usahawan Tani Di Malaysia* yang dibiayai oleh *Geran Research University Individual (RUI)*, USM, 1001/CISDEV/816218.

Penghargaan juga dirakamkan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JHEAIK), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Jabatan Pertanian Kelantan atas kerjasama dan maklumat yang disalurkan bagi menjayakan kajian ini. Terima kasih juga dirakamkan kepada Sahibus Samahah Dato' Muhammad Syukri Muhammad, Mufti Negeri Kelantan, Profesor Dato' Dr. Hailani Muji Tahir, Dr. Abdul Rasyid Dail dan Dr. Nor Aini Ali di atas kerjasama yang telah diberikan.

Penghargaan teristimewa buat ayahanda Abu Bakar bin Hussin, bonda Hanisah binti Musthapa serta seisi keluarga di atas doa dan restu, sokongan juga dorongan di sepanjang proses penghasilan disertasi ini. Tidak lupa juga buat sahabat handai, rakan dan taulan yang memberi sokongan dan bantuan kepada penyelidik.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak dan individu yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan tesis ini. Hanya Allah SWT yang mampu membalas segala pertolongan yang telah disampaikan. InsyAllah.

Wassalam.

Mohd Rizal Abu Bakar
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang

SENARAI KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Senarai Kandungan	iv
Senarai Jadual	ix
Senarai Rajah	xi
Senarai Singkatan	xii
Panduan Transliterasi	xiv
Abstrak	xv
<i>Abstract</i>	xvii

BAB 1: PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Pernyataan Masalah	11
1.4	Objektif Kajian	15
1.5	Persoalan Kajian	15
1.6	Definisi Operasional	17
	1.6.1 Taksiran Zakat	17
	1.6.2 Usahawan Padi	18
	1.6.3 Pertanian Komersial	19
	1.6.4 Kos Tanaman	20
	1.6.5 Kos sara Hidup	20
1.7	Skop dan Batasan Kajian	21
1.8	Kepentingan Kajian	22
1.9	Organisasi Tesis	22

BAB 2: KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA

2.1	Pendahuluan	24
2.2	Kajian-Kajian Lepas	24
2.2.1	Jenis dan Hukum Zakat	25
2.2.2	Pengurusan, Pungutan dan Agihan Zakat	27
2.2.3	Perakaunan Zakat	31
2.2.4	Taksiran Zakat Pertanian	34
2.3	Analisis Kajian-Kajian Lepas	38
2.4	Sorotan karya	39
2.4.1	Pengurusan dan Fatwa Zakat Tanaman di Malaysia	39
2.4.2	Jenis Zakat Tanaman	44
2.4.3	Syarat Wajib Zakat Tanaman	50
2.4.4	Nisab Zakat Tanaman	52
2.4.5	Kadar Zakat Tanaman	53
2.4.6	Kaedah Taksiran Zakat Tanaman	54
	2.4.6(a) Kos Tanaman	54
	2.4.6(b) Kos Sara Hidup	56
2.5	Kerangka Konseptual Kajian	59
2.6	Kesimpulan	60

BAB 3: KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1	Pendahuluan	61
3.2	Reka Bentuk Kajian	61
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	62
3.3.1	Pengumpulan Data Primer	62
	3.3.1(a) Kaedah Persampelan	63
	3.3.1(b) Pemilihan Negeri Kelantan	63
	3.3.1(c) Usahawan Padi dan Pegawai Pertanian	64
	3.3.1(d) Pengamal Zakat dan Ahli Majlis Fatwa Negeri Kelantan	68
	3.3.1(e) Ahli Akademik	69
	3.3.1(f) Instrumen Kajian	70
	3.3.1(g) Kajian Rintis	72
3.3.2	Pengumpulan Data Sekunder	73

3.4	Kaedah Penganalisisan Data	73
3.4.1	Penganalisisan Data Primer	74
3.4.2	Penganalisisan Data Sekunder	74
3.5	Tatacara Penyelidikan	76
3.6	Kesimpulan	77

BAB 4: TAKSIRAN ZAKAT TANAMAN DI MALAYSIA

4.1	Pendahuluan	78
4.2	Asas-Asas Taksiran Zakat Tanaman di Malaysia	78
4.2.1	Dalil-Dalil Al-Qur'an dan Hadis	79
4.2.2	Undang-Undang Zakat Tanaman di Malaysia	80
4.2.2(a)	Jenis Tanaman yang Dikenakan Zakat	82
4.2.2(b)	Kadar, Nisab dan Kaedah Taksiran Zakat	85
4.3	Manual Taksiran Zakat dan Fatwa Zakat Padi di Malaysia	89
4.3.1	Manual Taksiran Zakat	89
4.3.2	Fatwa Zakat Padi di Malaysia	92
4.3.2(a)	Fatwa Zakat Tanaman Secara Individu	93
4.3.2(b)	Fatwa Zakat Tanaman Secara Berkelompok	97
4.4	Amalan Taksiran Zakat Padi Oleh Negeri-Negeri di Malaysia	99
4.5	Kesimpulan	103

BAB 5: AMALAN TAKSIRAN ZAKAT USAHAWAN PADI DI KAWASAN KADA, KELANTAN

5.1	Pendahuluan	104
5.2	Kaedah Taksiran Zakat Padi oleh Usahawan Padi di Kelantan	105
5.2.1	Maklumat Penanaman Padi	105
5.2.1(a)	Latar Belakang Penanaman Padi	106
5.2.1(b)	Hasil Padi	108
5.2.1(c)	Kos-Kos Penanaman Padi	109
5.2.1(d)	Pendapatan Bersih	111
5.2.1(e)	Perbelanjaan	112

5.3	Analisis Berdasarkan Hubungan Antara Pembolehubah	113
5.3.1	Tanggungjawab dengan Perbelanjaan	114
5.3.2	Kos Tanaman dengan Tanggungan	115
5.3.3	Kos Tanaman dengan Keluasan	116
5.3.4	Kos Tanaman dengan Hasil	117
5.3.5	Kos Tanaman dengan Perbelanjaan	118
5.3.6	Kos Tanaman dengan Kerugian	120
5.3.7	Keluasan Tanaman dengan Hasil Tanaman	121
5.3.8	Keluasan Tanaman dengan Kos Tanaman	122
5.3.9	Keluasan Tanaman dengan Pendapatan Semusim	123
5.3.10	Keluasan Tanaman, Bilangan Isi Rumah dan Kaedah Taksiran Zakat	125
5.3.11	Bilangan Isi Rumah, Pendapatan Semusim dan Kaedah Taksiran Zakat	126
5.4	Penolakan Kos Tanaman dan Kos Sara Hidup	127
5.3.1	Fatwa MAIK, Adat dan Amalan	128
5.3.2	Komersial, Kos Mahal dan Meningkatkan	132
5.3.3	Tanggungjawab Usahawan dan Inflasi	139
5.4	Kesimpulan	147

BAB 6: KAEDAH ALTERNATIF TAKSIRAN ZAKAT PADI SECARA KOMERSIAL

6.1	Pendahuluan	148
6.2	Mengekalkan Kaedah Taksiran Zakat hasil padi Yang Sedang Diamalkan	149
6.3	Kaedah Taksiran Zakat Padi Pada Hasil Bersih Selepas Ditolak Kos Tanaman	152
6.4	Kaedah Taksiran Zakat Padi Pada Hasil Bersih Selepas Ditolak Kos Tanaman dan Kos Sara Hidup	160
6.5	Cadangan Alternatif Taksiran Zakat Padi Komersial	167
6.6	Kesimpulan	170

BAB 7: PENUTUP

7.1	Pendahuluan	171
7.2	Ringkasan Dapatan Kajian	172

7.3	Implikasi Kajian	182
7.3.1	Penyeragaman Kaedah Taksiran Zakat Padi	182
7.3.2	Undang-Undang dan Fatwa Berkenaan Zakat Tanaman	182
7.3.3	Memantapkan Peranan JAWHAR	183
7.4	Sumbangan Kajian	183
7.5	Cadangan Kajian Masa Hadapan	185
7.6	Kesimpulan	186
	BIBLIOGRAFI	187
	LAMPIRAN A: Set Soalan Temu Bual Golongan Pakar	199
	LAMPIRAN B: Set Soalan Temu Bual Usahawan Padi	206

SENARAI JADUAL

	HALAMAN	
Jadual 1.1	Keluasan Bertaman dan Pengeluaran Padi Mengikut Negeri 2011-2013	13
Jadual 1.2	Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian	16
Jadual 3.1	Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kelantan	65
Jadual 3.2	Senarai Responden Kajian	67
Jadual 3.3	Senarai Pegawai Pertanian	68
Jadual 3.4	Senarai Ahli Akademik	70
Jadual 3.5	Ringkasan Kaedah Analisis Data Mengikut Objektif dan Persoalan Kajian	75
Jadual 4.1	Jenis Tanaman yang Dikenakan Zakat Tanaman dalam Enakmen	85
Jadual 4.2	Nisab dan Kadar Zakat Tanaman dalam Enakmen	88
Jadual 4.3	Fatwa Berkaitan Zakat Tanaman Secara Individu	94
Jadual 4.4	Fatwa Berkaitan Zakat Tanaman Secara Berkelompok	97
Jadual 4.5	Jadual Perbezaan Kadar dan Sukatan bagi Setiap Negeri di Malaysia	99
Jadual 4.6	Jadual Pandangan pentadbir Zakat dan Mufti Terhadap Penolakan Kos Tanaman dan Kos Sara Hidup bagi Setiap Negeri di Malaysia	101
Jadual 5.1	Responden Mengikut Jantina, Umur dan Taraf Perkahwinan	106
Jadual 5.2	Responden Mengikut Bilangan Isi Rumah	107
Jadual 5.3	Responden Mengikut Keluasan Tanaman Padi	108
Jadual 5.4	Responden Mengikut Hasil Tanaman Padi Semusim	108
Jadual 5.5	Kos Tanaman Padi	109
Jadual 5.6	Responden Mengikut Hasil Jualan Padi atau Pendapatan Kasar	110

Jadual 5.7	Responden Mengikut Pendapatan Bersih	111
Jadual 5.8	Perbelanjaan Bulanan dan Bilangan Isi Rumah Responden	112
Jadual 5.9	Tanggungan dengan Perbelanjaan	114
Jadual 5.10	Kos Tanaman dengan Tanggungan	115
Jadual 5.11	Kos Tanaman dengan Keluasan	116
Jadual 5.12	Kos Tanaman dengan Hasil	117
Jadual 5.13	Kos Tanaman dengan Perbelanjaan	119
Jadual 5.14	Kos Tanaman dengan Kerugian	120
Jadual 5.15	Hubungan Keluasan Tanaman Padi dengan Hasil Tanaman padi	121
Jadual 5.16	Hubungan Keluasan Tanaman Padi dengan Kos Tanaman	123
Jadual 5.17	Hubungan Keluasan Tanaman Padi dengan Pendapatan Semusim	124
Jadual 5.18	Hubungan Keluasan Tanaman Padi, Bilangan Isi Rumah dan Kaedah Taksiran Zakat	125
Jadual 5.19	Hubungan Bilangan Isi Rumah, Pendapatan Semusim dan Kaedah Taksiran Zakat	126
Jadual 5.20	Amalan Kaedah Taksiran Zakat Padi dalam Kalangan Usahawan Padi	127

SENARAI RAJAH

		HALAMAN
Rajah 1.1	Pengeluaran Padi Sawah Mengikut Negeri, Malaysia, Musim Utama 2012/2013	12
Rajah 2.1	Kerangka Konseptual Kajian	59
Rajah 3.1	Model Prosedur Kajian	76

SENARAI SINGKATAN

AA	Ahli Akademik
a.s.	<i>'Alayh al-Salām</i>
bil.	Bilangan
dlm.	Dalam
Ed.	Seorang Editor
Eds.	Dua Orang Editor atau Lebih
FATWA	Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Kebangsaan
H	Hijrah
Ha	Hektar
hlm.	Halaman
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
ISDEV	<i>Centre for Islamic Development Management Studies</i> (Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam)
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAWHAR	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
JHEAIK	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan
Jld.	Jilid
KADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
kg	Kilogram
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LPP	Lembaga Pertubuhan Peladang
LZS	Lembaga Zakat Selangor
MAIK	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri

MAINP	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
MAINS	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
No.	Nombor
PAS	Parti Islam SeMalaysia
r.a.	<i>Raḍiya Allāh ‘anh</i>
PKZP	Pusat Kutipan Zakat Pahang
PP	Pegawai Pertanian
PPK	Pertubuhan Peladang Kawasan
PPZ	Pusat Pungutan Zakat
PUZ	Pusat Urusan Zakat
PZM	Pusat Zakat Melaka
PZNS	Pusat Zakat Negeri Sembilan
PZS	Pusat Zakat Sabah
PZS	Pusat Zakat Selangor
R	Responden
RMK-9	Rancangan Malaysia Kesembilan
SAW	<i>Ṣalla Allāh ‘alayh wa Sallām</i>
SWT	<i>Subḥānah wa Ta‘ālā</i>
terj.	Terjemahan
transl.	<i>Translation</i>
t.t.	Tanpa Tahun
USM	Universiti Sains Malaysia
Vol.	Volume
ZPP	Zakat Pulau Pinang

PANDUAN TRANSLITERASI

HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB
t	ط	-	ا
z	ظ	b	ب
‘	ع	t	ت
gh	غ	th	ث
f	ف	j	ج
q	ق	ḥ	ح
k	ك	kh	خ
l	ل	d	د
m	م	dh	ذ
n	ن	r	ر
w	و	z	ز
h	ه	s	س
’	ء	sy	ش
y	ي	ṣ	ص
ṭ	ة	ḍ	ض

PENDEK		PANJANG		DIFTONG	
a	َ	ā	آ	ay	أَيَّ
i	ِ	ī	إِيَّ	aw	أُوَّ
u	ُ	ū	أُوَّ		

Sumber : *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Rumi*, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (1992)

**AMALAN TAKSIRAN ZAKAT PERTANIAN DALAM KALANGAN USAHAWAN
PADI DI KAWASAN LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA),
KELANTAN**

ABSTRAK

Di Malaysia hanya hasil tanaman padi diwajibkan zakat. Menurut Manual Pengurusan Pengiraan Zakat yang diterbitkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), zakat padi dikenakan pada kadar sepuluh peratus daripada hasil bersih apabila cukup nisab iaitu lima *awsuq*. Kaedah taksiran zakat padi berdasarkan hasil kasar dikatakan tidak menjamin keadilan sosial dalam kalangan usahawan padi kerana kos yang tinggi diperlukan bagi penanaman padi secara komersial. Situasi di Kelantan, Mesyuarat Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) memutuskan zakat padi yang diusahakan oleh agensi kerajaan secara estet ditaksir berasaskan hasil bersih setelah ditolak semua kos tanaman yang terlibat. Sebaliknya zakat padi yang diusahakan secara individu ditaksir berasaskan hasil kasar tanpa ditolak kos tanaman. Mengapakah berlakunya perbezaan tersebut? Oleh itu, kajian ini secara khususnya mempunyai tiga objektif. Pertama; mengenal pasti dan menganalisis kaedah taksiran zakat padi yang diamalkan oleh semua negeri di Malaysia. Kedua; menganalisis kaedah taksiran zakat padi dalam kalangan usahawan padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) terhadap kos tanaman dan kos sara hidup. Ketiga; mencadangkan kaedah alternatif taksiran zakat padi yang diusahakan secara komersial oleh usahawan padi khususnya di Kelantan. Persoalannya, bagaimanakah pula kaedah taksiran yang diamalkan oleh usahawan padi yang menanam padi secara komersial? Mengapakah kaedah taksiran zakat tersebut dipilih untuk diamalkan oleh mereka? Apakah pandangan pengamal zakat dan Ahli Majlis Fatwa Negeri Kelantan terhadap kaedah taksiran zakat padi yang diusahakan secara komersial? Kajian lapangan dilakukan melalui temu bual mendalam dengan menggunakan persampelan bertujuan. Kesemua data yang diperoleh dianalisis menggunakan analisis kandungan.

Dapatan mempamerkan setiap negeri di Malaysia mengamalkan kaedah taksiran zakat padi tersendiri walaupun sudah terdapat manual daripada JAWHAR. Namun, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) masing-masing lebih berperanan dalam bidang kuasa pengurusan zakat mereka. Selanjutnya, dapatan kajian mempamerkan terdapat tiga kaedah taksiran yang diamalkan. Pertama, zakat ditaksir berasaskan hasil kasar yang diperolehi. Kedua, zakat ditaksir berasaskan hasil bersih setelah ditolak kos tanaman. Ketiga, zakat ditaksir berasaskan hasil bersih setelah ditolak kos tanaman dan kos sara hidup. Terdapat tiga implikasi yang terhasil daripada kajian ini. Pertama, penyeragaman kaedah taksiran zakat padi; kedua, undang-undang dan fatwa berkenaan zakat tanaman dan ketiga, memantapkan peranan JAWHAR.

**ASSESSMENT PRACTICES OF AGRICULTURAL ZAKAT AMONG PADDY
ENTREPRENEURS WITHIN THE JURISDICTION OF KEMUBU
AGRICULTURAL DEVELOPMENT AUTHORITY (KADA), KELANTAN**

ABSTRACT

In Malaysia, only the paddy crop is compulsory for zakat. According to the Manual of Management and Calculation of Zakat published by the Department of Wakaf, Zakat and Hajj (JAWHAR), zakat is levied at the rate of ten per cent of net revenues after meeting the minimum five *awsuq*. Conventional methods of paddy zakat estimation that is based on Gross revenue does not guarantee social justice among paddy planter due to the high cost needed for commercial paddy cultivation. For Kelantan, Committee Meeting of Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) decided that zakat of paddy planted by goverment agencies in the estate form is assessed based on the net revenue after deducting all the costs involved. On the other hand, the zakat of paddy plantes by individual farmers is assessed based on the gross revenue without deduction for the cost of planting. Why are the differences? Therefore, this study has three objectives. First, to identify and analyze the assessment methods for zakat of paddy practiced by the states in Malaysia. Second to analyze the assessment methods for zakat of paddy among paddy planter in Kemubu Agricultural Development Authority (KADA) on the cost of planting and the cost of living. Third, to propose alternative methods of assessment of zakat for paddy planted by commercial entrepreneurs, especially in Kelantan. The question is, what is the assessment methods practiced by the entrepreneurs who grow commercially? What is the methods of assessment chosen to be practiced by them? What is the opinion of zakat payer and Ahli Majlis Fatwa Negeri Kelantan against zakat assessment methods for the paddy that is commercially planted? The field of study was conducted through in-depth interviews using purposive sampling. All data were analyzed using content analysis. The findings demonstrated that every state in Malaysia adopted its owns rules on the assessment zakat of

paddy although there are instructions from JAWHAR. The Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) of each state, only functions within their request authorities. Furthermore, the findings showed that there were three methods of assessment practiced. First, zakat is assessed based on gross revenue obtained. Second, zakat is assessed based on the net revenue after deducting the cost of the plantation. Third, zakat is assessed on the basis of the net proceeds after deducting the cost of the plantation and the cost of living. There are three implications arising from this study. First, there is need for standardizing the methods of assessment zakat paddy. Second, new laws are needed for zakat for agriculture and thirdly, the roles JAWHAR need to be strengthened.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Kajian ini secara umumnya bertujuan mengenal pasti dan menganalisis taksiran zakat pertanian yang diamalkan oleh negeri-negeri di Malaysia. Secara khusus, kajian ini berhasrat mengenal pasti dan menganalisis kaedah taksiran zakat padi yang diamalkan di Negeri Kelantan. Kemudian, menganalisis kaedah taksiran zakat padi dalam kalangan usahawan padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) terhadap kos tanaman dan kos sara hidup dalam pentaksiran zakat padi. Dengan itu, pada akhirnya dapatan kajian akan menjelaskan kaedah taksiran zakat hasil pertanian padi yang dicadangkan untuk diamalkan oleh usahawan padi di Kelantan. Taksiran zakat pertanian khususnya padi merupakan satu bidang baru dalam sistem muamalat Islam bagi menentukan kaedah pengiraan zakat yang sepatutnya dikenakan ke atas hasil pertanian yang dijalankan.

Sebagai bab pengenalan, bab ini memuatkan perbincangan terhadap latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasional, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian dan organisasi tesis.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Secara umumnya, zakat boleh dibahagikan kepada lima jenis. Pertama, zakat emas dan perak; kedua, zakat barang perniagaan; ketiga, zakat hasil pertanian; keempat, zakat ternakan dan kelima, zakat hasil perut bumi (Wahbat al-Zuhailiy, 1994). Namun begitu, terdapat juga pandangan cendekiawan zakat yang membahagikan zakat kepada sepuluh jenis. Ia meliputi zakat hasil ternakan, zakat emas dan perak, zakat harta perdagangan,

zakat hasil pertanian, zakat penghasilan binatang, zakat hasil bumi dan laut, zakat pendapatan harta, zakat pendapatan kerja dan khidmat profesional serta zakat saham (Mahmood Zuhdi Abd. Majid, 2003).

Antara jenis zakat yang telah diwajibkan tersebut, zakat pertanian merupakan antara sumber zakat yang penting di Malaysia. Hal ini kerana sektor pertanian antara sektor utama yang menjadi tulang belakang kepada ekonomi di Malaysia selepas sektor perkhidmatan dan perkilangan (Mohd Faisal Ibrahim dan Suhana Musani, 2010). Zakat pertanian dikatakan mengalami perubahan daripada pertanian tradisional kepada pertanian komersial akibat daripada realiti pertanian yang wujud hari ini menunjukkan kemajuan pesat dan pertumbuhan positif. Dengan kata lain, zakat pertanian itu sendiri telah mengalami transformasi daripada zakat sara diri kepada zakat produktif. Hasilnya, pelbagai jenis tanaman berdaya maju yang diusahakan memberi pulangan yang menguntungkan bahkan menjadi sumber kekayaan kepada para petani di Malaysia. Hasil pertanian yang wajib dikeluarkan zakat di Malaysia adalah hasil pertanian yang berbentuk makanan asasi, mengenyangkan dan tahan lama disimpan seperti padi, jagung, gandum dan sebagainya.

Taksiran inilah yang diperjelaskan oleh kebanyakan pusat pungutan zakat negeri di Malaysia seperti Lembaga Zakat Selangor, Pusat Zakat Melaka dan Pusat Kutipan Zakat Pahang. Dalam konteks Malaysia, makanan asasi masyarakatnya adalah beras ataupun padi. Oleh sebab itu, zakat tanaman adalah diwajibkan terhadap padi apabila telah sempurna syarat-syaratnya (JAWHAR, 2009). Dengan perkataan lain, zakat pertanian di sesebuah negara boleh didefinisikan sebagai zakat yang dikenakan terhadap makanan asasi yang mengenyangkan dan telah cukup nisabnya (Asmak Ab Rahman et al., 2012).

Bagi hasil tanaman yang bukan tergolong dalam kategori makanan asasi seperti kelapa, kelapa sawit, getah, lada hitam, tebu, koko dan lain-lain tidak dikenakan zakat kerana tidak ada nas dan dalil-dalil yang mewajibkan hasil-hasil tersebut dikeluarkan zakat. Perkara ini telah pun dibincangkan oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) Kebangsaan (2011). Dalam hal ini jawatankuasa memutuskan bahawa komoditi utama seperti kelapa, kelapa sawit, getah, lada hitam, nenas dan lain-lain adalah tidak diwajibkan zakat kerana tiada nas dan dalil-dalil yang mewajibkan hasil-hasil tersebut dikeluarkan zakat.

Walaupun usaha perladangan kelapa sawit, getah, koko, lada hitam, nenas dan lain-lain itu secara bendanya (*'ayn*) tidak diwajibkan zakat, tetapi mungkin secara *'illat*nya (alasan)nya boleh dikenakan zakat. Logik akal boleh mempersoalkan bahawa jika petani padi membayar zakat mengapa tidak dengan pengusaha ladang kelapa sawit, getah, lada hitam dan ladang koko sedangkan mereka juga memperoleh hasil yang lumayan? Hal ini ditambah pula dengan keadaan banyak aktiviti ekonomi hari ini boleh mendatangkan hasil yang lumayan, maka usaha perladangan seperti getah dan kelapa sawit boleh mendatangkan hasil yang lumayan berbanding padi.

Para *fuqahā'*¹ (ulama fiqh) telah sepakat dalam menentukan jenis-jenis tanaman yang wajib dikenakan zakat pertanian berdasarkan nas yang *qaṭ'ī* serta berdasarkan *'illat* wajib zakat. Namun demikian, dalam keadaan banyak aktiviti ekonomi hari ini yang kian berkembang dan mendatangkan hasil yang lumayan, maka *'illat* yang digunakan oleh *fuqahā'* terdahulu khususnya *'illat* makanan asasi yang mengenyangkan dan tahan lama jika disimpan, tidak memungkinkan zakat dikenakan terhadap sesetengah hasil tanaman walaupun penghasilannya jelas lumayan. Oleh itu, langkah untuk meluaskan asas zakat

¹ *Fuqahā'* adalah istilah kepada para ulama fiqh yang selalu membahaskan tentang permasalahan fiqh, menyatakan pandangan penyelesaian permasalahan dan mengeluarkan fatwa berkaitan hukum-hukum syariat. Mereka daripada pelbagai latar belakang mazhab daripada al-Ḥanafiy, al-Syāfi'iy, al-Mālikiy dan al-Ḥanbaliy (Qutub Mustafā sanw, 2006:323).

pertanian ini wajar dipertimbangkan agar zakat pertanian tidak hanya bergantung pada sumber tradisi sahaja. Di Malaysia pada ketika ini banyak hasil tanaman yang boleh dipertimbangkan untuk dikenakan zakat. Hal ini berdasarkan kaedah tertentu hukum zakat yang meliputi kaedah qias, kaedah kekayaan, dan kaedah memilih untuk menguntungkan fakir miskin. Memandangkan kebanyakan tanaman pada masa kini adalah berbentuk komersial dan mendatangkan hasil yang lumayan, maka kaedah kekayaan khususnya amat wajar digunakan (Zahri Hamat, 2015).

Terdapat beberapa nas al-Qur'an dan hadith Rasulullah SAW yang menunjukkan zakat itu adalah harta perlu diambil daripada orang kaya dan diberikan kepada orang miskin. Hal ini menunjukkan bahawa kekayaan boleh dijadikan *'illat* untuk mewajibkan zakat terhadap individu. Antara nas al-Qur'an yang dimaksudkan ialah:

“Perkara yang Allah kurniakan kepada Rasul-Nya (Muhammad) daripada harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar antara orang-orang kaya dalam kalangan kamu. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarang-Nya kamu melakukannya maka patuhilah larangan-Nya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat seksa-Nya (bagi orang-orang yang melanggar perintah-Nya)” (al-Hasyr, 59:7).

Selain itu, terdapat beberapa Hadith Nabi SAW yang turut membincangkan hal ini, antaranya ialah:

Diriwayatkan daripada Ibn ‘Abbās r.a. bahawa tatkala Nabi SAW mengutus Mu'āz bin Jabal r.a. ke Yaman, Baginda SAW bersabda yang bermaksud, “Allah SWT telah mewajibkan zakat pada harta benda mereka yang dipungut daripada orang-orang kaya dan diberikan kepada orang-orang miskin antara mereka” (Riwayat al-Bukhāriy, Hadith no. 1485, Ibn Mājat, 1989:411).

Dalam Hadith yang lain, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Diriwayatkan daripada ‘Alī r.a. bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud, “Allah SWT mewajibkan zakat pada harta orang-orang kaya daripada kaum Muslimin sejumlah yang dapat melapangi orang-orang miskin antara mereka. Fakir miskin itu tiadalah menderita menghadapi kelaparan dan kesulitan, kecuali kerana perbuatan golongan kaya. Ingatlah Allah akan mengadili mereka nanti secara tegas dan menyiksa mereka dengan pedih” (Riwayat al-Ṭabrānīy, No. Hadith: 297).

Dalil-dalil daripada al-Qur’an dan Hadith ini jelas menunjukkan bahawa kekayaan menjadi salah satu asas pertimbangan untuk mengenakan zakat kepada orang-orang Islam yang mengusahakan ladang getah, kelapa sawit, koko, nenas dan sebagainya. Oleh itu, hal ini mewajarkan zakat dikenakan terhadap harta kekayaan orang-orang kaya dengan tidak mengambil kira sumber kekayaan tersebut diperoleh. Bagi melihat asas zakat itu sendiri adalah berdasarkan pengsyariatannya yang telah diperintahkan oleh Allah SWT.

Pensyariatannya ibadah zakat disebut dalam al-Qur’an dan Hadith Rasulullah SAW. Ketika di Mekah, kewajipan zakat disebut secara umum, walau bagaimanapun ketika di Madinah kewajipan zakat telah disebut secara khusus. Dalam al-Qur’an perkataan zakat disebut pada 30 tempat, iaitu 8 tempat dalam surah-surah *Makkiyyat*² dan selebihnya dalam surah-surah *Madaniyyat*³ (Hasbi Al-Shiddieqy, 1967). Perkataan zakat disebut secara beriringan dengan perkataan solat sebanyak 27 kali (Yūsuf al-Qaraḍāwī, 1999). Hal ini merupakan bukti yang jelas dan terang tentang kepentingan zakat dalam membina kehidupan umat Islam sama ada dari sudut sosial mahupun ekonomi.

² Menurut *jumhūr* (kebanyakan) ulama, ayat-ayat *Makkiyyat* ialah ayat-ayat yang diturunkan sebelum hijrah sekalipun ia tidak diturunkan di Mekah seperti ayat yang diturunkan kepada Rasulullah SAW ketika dalam perjalanan berhijrah ke Madinah (al-Zarkasyiy, 1988:239; al-‘Utsaimin, 1989:18 dan al-Qaṭṭān, 1993:61).

³ Menurut *jumhūr* ulama, ayat-ayat *Madaniyyat* pula ialah ayat-ayat yang diturunkan selepas hijrah sekalipun ia tidak diturunkan di Madinah seperti Surah al-Faṭḥ yang diturunkan ketika Rasulullah SAW hendak kembali ke Ḥudaybiyyat (al-Zarkasyiy, 1988:239; al-‘Utsaimin, 1989:18 dan al-Qaṭṭān, 1993:61).

Ibadah zakat ini juga turut diperintahkan oleh Allah SWT secara jelas dalam rukun Islam. Dalam Islam, wujud lima perkara yang menjadi asas kepada kekuatannya. Ia dinamakan Rukun Islam. Pertama, mengucap dua kalimah syahadah; kedua, menunaikan solat lima waktu; ketiga, menunaikan zakat; keempat, berpuasa di bulan Ramadan; dan yang kelima, mengerjakan haji di Baitullah. Hal ini jelas menunjukkan ibadah zakat adalah Rukun Islam yang ketiga yang diperintahkan oleh Allah SWT kepada setiap individu. Oleh itu, zakat merupakan rukun Islam⁴ yang wajib dilaksanakan oleh setiap Muslim yang berkemampuan. Antaranya seperti firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dirikanlah sembahyang dan tunaikanlah zakat ” (al-Baqārat, 2: 110).

Rasulullah SAW juga bersabda tentang pensyariatan zakat yang bermaksud:

“Ajaklah mereka bersyahadah bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah dan bahawasanya Aku adalah utusan Allah, jika mereka mentaatinya maka hendaklah engkau memberitahu mereka bahawa Allah memfardukan ke atas mereka solat lima waktu sehari semalam. Maka jika mereka mentaatinya, hendaklah engkau memberitahu mereka bahawa Allah memfardhukan kepada mereka menunaikan zakat pada harta mereka. Harta itu diambil daripada orang kaya dan diberikan kepada orang miskin dalam kalangan mereka” (Riwayat Al-Bukhāriy, No. Hadith: 478).

⁴ Sebagai salah satu daripada Rukun Islam, arahan untuk melaksanakan tanggungjawab zakat ini adalah sangat besar kepada mereka yang gagal melaksanakannya akan mendapat balasan azab yang pedih di dunia dan akhirat. Hal ini dinyatakan dalam Surah *Fuṣṣilat*, yang menghabarkan ancaman Allah SWT terhadap orang-orang musyrik. Ayat ini turut menerangkan ciri-ciri orang musyrik, antaranya ialah tidak menunaikan zakat dan tidak mempercayai akan adanya hari akhirat (Patmawati Ibrahim, 2008).

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu; diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan yang Satu; maka hendaklah kamu tetap teguh di atas jalan yang betul lurus (yang membawa kepada mencapai keredhaan-Nya), serta pohonlah kepada-Nya mengampuni (dosa-dosa kamu yang telah lalu). Dan ingatlah, kecelakaan besar bagi orang-orang yang mempersekutukan-Nya (dengan sesuatu yang lain), iaitu orang-orang yang tidak memberi zakat (untuk membersihkan jiwa dan hartanya) dan mereka pula kufur ingkar akan adanya hari akhirat”(Fuṣṣilat, 41: 6-7).

Zakat dari segi bahasa bermaksud berkat, tumbuh, bersih dan baik. Zakat dari segi syarak bermaksud mengeluarkan sebahagian daripada harta yang tertentu kepada golongan tertentu apabila cukup syarat-syaratnya atau bermaksud mengeluarkan kadar tertentu daripada harta yang tertentu kepada orang yang berhak menerimanya (Yūsuf al-Qaraḏāwī, 1999).

Secara ringkasnya, zakat telah ditetapkan oleh Allah SWT dengan matlamat utama sebagai satu bentuk jaminan keselamatan sosial bagi mereka yang miskin dan memerlukan, membangunkan pertumbuhan ekonomi yang seimbang melalui agihan semula kekayaan dalam masyarakat dan juga sebagai satu bentuk penyucian dan pembangunan spiritual (Pathmawati Ibrahim, 2008). Falsafahnya ialah zakat satu perkongsian. Perkongsian di sini bermaksud mengambil harta daripada golongan kaya dan berada untuk diberikan kepada yang miskin serta mereka yang memerlukan.

Oleh itu, penelitian yang lebih khusus terhadap zakat pertanian yang diamalkan di Malaysia adalah berasaskan dalil-dalil daripada al-Qur'an dan Hadith. Zakat pertanian juga dikenali sebagai *al-'usyr*, zakat *al-zurū'* atau *al-thimār*. Meskipun begitu ia tetap mempunyai satu maksud (Yūsuf al-Qaraḏāwī, 1994:139). Antaranya ialah firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan Dia-lah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebum yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan rasanya); dan buah zaitun dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah daripada buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan). Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau” (al-An‘ām, 6:141).

Menurut Ibn Kathīr (2008: 304-305), ungkapan “Dan Dialah yang menjadikan kebun-kebon yang menjalar dan tidak menjalar”, ditafsirkan oleh Ibn ‘Abbās r.a sebagai “ghayr ma‘rūsyāt yang bererti buah-buahan yang tumbuh (liar) baik di pergunungan ataupun di daratan”. Bagi ayat “yang bersamaan dan tidak sama bersamaan”, ditafsirkan oleh Ibn Jurayj sebagai “yang serupa dalam pandangan mata, tetapi berbeza rasanya”. Bagi ayat “Makanlah daripada buahnya ketika ia berbuah”, ditafsirkan oleh Muḥammad bin Ka‘ab r.a sebagai “buah kurma dan anggur”. Bagi ungkapan “Dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya”, ditafsirkan oleh Ibn ‘Abbās r.a sebagai zakat yang diwajibkan pada hari penimbangan hasilnya dan setelah diketahui jumlah timbangan tersebut. Dan bagi ungkapan “Dan janganlah kamu melampau (pada apa jua yang kamu makan atau belanjakan), sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang boros”, ditafsirkan oleh ‘Aṭā’ r.a sebagai perkara tersebut merupakan larangan berlebih-lebihan dalam sesuatu perkara.

Firman-Nya lagi yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah⁵ (pada jalan Allah) sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian daripada apa-apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu” (al-Baqārat, 2: 267)⁶.

⁵ Menurut al-Qurṭubiy, para ulama berbeza pendapat tentang maksud perkataan “belanjakanlah” dalam ayat al-Baqārat, 2: 267. Mengikut ‘Alī Ibn Abī Ṭālib r.a, ‘Ubaydat al-Salamiy dan Ibn Sirīn, ia bererti “zakat wajib”. Manakala mengikut Ibn ‘Aṭīyyaṭ, al-Barrā’ Ibn ‘Āzib, al-Ḥasan dan Qatādat maksud perkataan “belanjakan” adalah “sedekah sunat”. Al-Qurṭubiy menambahkan, sebenarnya ayat berkenaan merangkumi kedua-dua hukum zakat iaitu zakat wajib dan sedekah sunat (di petik daripada Mahmood Zuhdi Abd. Majid, 2003).

⁶ Dalam *Tafsir Ibn Kathīr*, ayat ini ditafsirkan dengan taksiran Allah SWT; memerintah hamba-hamba-Nya yang beriman untuk berinfaq. Infaq yang dimaksudkan di sini ialah sedekah. Demikian ditafsir oleh Ibn ‘Abbās r.a: “iaitu sebahagian daripada harta kekayaan yang baik-baik yang telah dianugerahkan melalui usaha mereka”. Lebih lanjut Ibn ‘Abbās r.a mengemukakan: “Mereka diperintahkan untuk menginfakkan harta kekayaan yang paling baik, paling bagus dan paling berharga. Dan Dia melarang berinfaq dengan hal-hal yang remeh dan hina. Hal ini kerana sesungguhnya Allah SWT itu baik dan tidak menerima kecuali yang baik-baik. Ibn Jarir meriwayatkan daripada al-Barrā’ bin ‘Āzib bahawa ayat ini turun berkenaan dengan kaum Ansar. Pada hari memetik buah kurma, orang Ansar mengeluarkan kurma lalu mengantungkannya pada tali di antara dua tiang masjid Rasulullah SAW sehingga dimakan oleh kaum fakir miskin dalam kalangan Muhajirin. Lalu salah seorang antara mereka sengaja mengambil kurma yang buruk-buruk dan memasukkan ke dalam tandan kurma, ia beranggapan bahawa perbuatan itu dibolehkan. Lalu Allah SWT menurunkan ayat berkenaan dengan orang yang mengerjakan perkara tersebut (Ibn Kathīr, 2008: 534-535).

Menurut Abū Bakr al-Jaṣṣāṣ r.a yang menyatakan bahawa dalil tersebut adalah satu ungkapan umum yang memberi erti bahawa zakat wajib pada segala yang dihasilkan dari perut bumi sama ada banyak atau sedikit. Perkara inilah antara yang dikatakan asas pendapat Abu Hanifah bahawa zakat wajib dikeluarkan daripada segala yang dihasilkan dari bumi, sama ada banyak atau sedikit (Mahmood Zuhdi Abd. Majid, 2003).

Kedua-dua ayat tersebut menerangkan kewajipan seseorang individu yang memiliki hasil pertanian daripada usaha penanaman yang dilakukan untuk memenuhi keperluan sosial dengan mengeluarkan zakat (al-Ṭabrānī, 1992:362; Ibn Kathīr, 1992:188 dan al-Qurtubīy, 1993:208). Sebenarnya, zakat pertanian adalah berdasarkan pengeluaran hasil pertanian. Walau bagaimanapun, kedua-dua ayat ini tidak menjelaskan kadar zakat yang wajib dikeluarkan ke atas sesuatu hasil pertanian yang diperoleh. Kadar zakat pertanian tersebut hanya dijelaskan dalam Hadith Rasulullah SAW.

Antara Hadith yang menjadi asas kepada taksiran zakat pertanian ini ialah:

Diriwayatkan daripada ‘Attāb bin Usaid r.a. katanya: Rasulullah SAW telah memerintahkan agar anggur basah dianggarkan kadarnya ketika ia menjadi anggur kering sebagaimana juga tamar basah dianggarkan kadarnya ketika ia menjadi kering dan zakatnya diambil dalam bentuk kering (zabib-kismis) sebagaimana zakat kurma diambil dalam bentuk tamar kering (Riwayat Abū Dāwud, Hadith no. 1603, al-Khin, al-Bughā dan al-Syarbajiy, 2009:26).

Diriwayatkan daripada ‘Abd Allāh bin ‘Amrū r.a. katanya: Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “Tanaman yang diairi oleh hujan, sungai-sungai dan mata air atau yang mendapat air daripada saluran (atau melalui akarnya) hendaklah dikeluarkan (zakatnya) sepersepuluh (1/10). Tanaman yang diairi dengan unta, pengangkut air atau dengan penimba, hendaklah dikeluarkan seperduapuluh (1/20)”. (Riwayat al-Bukhāriy, Hadith no. 1483; Ibn Ḥajar, 1989:443).

Kedua-dua Hadith ini bukan sahaja menjelaskan kewajipan zakat pertanian, malah ia menjelaskan kadar zakat yang wajib dikeluarkan ke atas sesuatu hasil pertanian. Jelaslah bahawa kedua-dua hadith ini berperanan sebagai pentafsir kepada ayat 141 daripada Surah al-An‘ām ada ayat 267 daripada Surah al-Baqārat yang dikemukakan sebelum ini.

Hasil pertanian termasuklah tanaman dan buah-buahan yang diwajibkan zakat seperti yang telah dibincangkan oleh imam-imam⁷ dalam setiap mazhab. Justeru, zakat pertanian di sesebuah negara bolehlah diertikan sebagai zakat yang dikenakan terhadap makanan asasi yang mengenyangkan dan telah cukup nisabnya. Situasi di Malaysia menunjukkan bahawa hanya padi sahaja dikenakan zakat pertanian kerana ia berdasarkan pandangan Mazhab al-Syāfi'iy yang mewajibkan zakat ke atas makanan asasi sesuatu tempat, hasil pertanian yang mengenyangkan dalam keadaan biasa iaitu makanan yang tidak terdiri daripada makanan selingan di masa kesempitan, diusahakan oleh manusia, tahan disimpan lama dan boleh dikeringkan (Muhammad Firdaus Ab Rahman, Luqman Abdullah dan Nor Aini Ali, 2015: 4).

Oleh itu, padi diwajibkan zakat sama ada ia diusahakan secara tradisional ataupun komersial. Bagi petani yang menanam padi secara komersial dikenali sebagai usahawan padi. Peningkatan bilangan usahawan padi yang menjalankan aktiviti penanaman padi di Malaysia umumnya dan secara khususnya di Kelantan adalah semakin positif (Jabatan Pertanian Malaysia, 2013). Peningkatan bilangan usahawan padi di Kelantan disebabkan negeri Kelantan merupakan antara negeri pengeluar padi di Malaysia dan mendapat permintaan tinggi terhadap padi itu sendiri (Jabatan Pertanian Kelantan, 2013).

⁷ Imam Mālik dan Imam al-Syāfi'iy berpendapat zakat diwajibkan ke atas makanan asasi sesuatu tempat serta boleh dikeringkan dan tahan lama disimpan seperti gandum, jagung, padi dan sebagainya. Imam Hanbaliy pula berpendapat zakat dikenakan ke atas makanan asasi, boleh dikeringkan, tahan lama dan boleh disukat. Bagi Imam Hanafi pula berpendapat, zakat dikenakan ke atas semua jenis tanaman termasuk makanan asasi dan bukan makanan asasi selagi mana ia tumbuh dan memberi manfaat kepada manusia (Wahbaṭ al-Zuhayliy, 1994).

1.3 PERNYATAAN MASALAH


Di Malaysia, sektor pertanian kini sedang mengalami transformasi ke arah yang lebih dinamik dan kompetitif. Sektor ini amat penting, bukan sahaja kerana ia dapat membantu menjana pertumbuhan ekonomi negara malah memberi peluang pekerjaan kepada rakyat negara ini. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), kerajaan menekankan pengeluaran hasil pertanian secara komersial yang berintensifkan teknologi moden. Hal ini selaras dengan matlamat Dasar Pertanian Negara Ketiga (1998-2010) untuk meningkatkan jaminan bahan makanan (*food security*) negara melalui transformasi pertanian yang berorientasikan komersial, meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor pertanian ini.

Dalam RMK-9 turut diadakan kempen ‘pertanian adalah perniagaan’ dengan kerajaan cuba untuk memperkasa pertanian bentuk baru. Ia bukan sahaja merangkumi aspek pertanian komersial dan bioteknologi, malah turut menekankan aspek pertanian sebagai satu perniagaan. Faktor utama yang menentukan kejayaan dalam usaha memodenkan bidang pertanian sebagai satu perniagaan ialah produktiviti, keberkesanan kos dan keupayaan mendapatkan pasaran (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 2013). Hal ini adalah satu transformasi dalam sektor pertanian kerana kerajaan cuba untuk mewujudkan budaya keusahawanan dalam kalangan petani dan berharap mampu melahirkan generasi usahawan dalam sektor ini.

Dasar ini telah disambut secara positif dalam kalangan usahawan tani. Pelbagai jenis tanaman berdaya maju telah diusahakan, malah ia telah menjadi sumber kekayaan kepada para petani pada masa ini. Pertanian diamalkan secara komersial adalah terbahagi kepada dua kategori tanaman. Pertama ialah tanaman padi. Kebanyakan negeri di Malaysia mengenakan zakat pertanian terhadap para petani yang menjalankan aktiviti penanaman padi ini. Kedua ialah tanaman lain seperti getah, kelapa sawit dan koko. Kebanyakan negeri mengenakan zakat perniagaan kepada jenis tanaman tersebut. Dalam perkataan lain

bagi kedua-dua kategori tanaman ini dikenakan zakat yang berbeza. Bagi tanaman padi, zakat yang dikenakan ialah zakat pertanian dan bukan dikenakan zakat perniagaan. Bagi tanaman selain padi seperti getah, kelapa sawit dan koko pula dikenakan zakat perniagaan bukan dikenakan zakat pertanian. Hal ini menunjukkan terdapat kaedah taksiran zakat yang berbeza terhadap zakat tanaman yang diamalkan di Malaysia iaitu zakat pertanian dan zakat perniagaan.

Di Malaysia, bidang kuasa pengurusan zakat terletak di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) masing-masing. Hal ini telah termaktub dalam Perkara 74(1)(2) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Parlimen dan Badan Perundangan Negeri mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang berkaitan dengan perkara-perkara yang telah disenaraikan di bawah Jadual Kesembilan termasuklah mengenai zakat dan fitrah (Siti Mashitoh Mahamood, 2007). Oleh sebab setiap MAIN mempunyai pertimbangan tersendiri dalam menentukan perkaedahan taksiran zakat yang dikenakan, maka terdapat beberapa perbezaan yang berlaku khususnya zakat padi itu sendiri. Ia termasuklah penentuan nisab, kadar zakat dan kaedah taksiran zakat.



Rajah 1.1: Pengeluaran Padi Sawah Mengikut Negeri, Malaysia, Musim Utama 2012/2013

Di Malaysia, padi merupakan tanaman yang ketiga luasnya ditanam selepas kelapa sawit dan getah. Rajah 1.1 menunjukkan pengeluaran padi sawah mengikut negeri di Malaysia pada musim utama 2012/2013. Negeri pengeluar utama padi ini adalah di Kedah (27.7%), Sarawak (13.8%), Perak (12.8%), Kelantan (11.3%), Perlis (8.4%) dan selebihnya di negeri-negeri lain (Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia, 2014). Hal ini menunjukkan bahawa negeri Kelantan merupakan negeri yang keempat terbesar keluasan penanaman padi di Malaysia dan yang ketiga terbesar di Semenanjung Malaysia.

Jadual 1.1: Keluasan Bertanam dan Pengeluaran Padi Mengikut Negeri 2011-2013

Negeri	2011		2012*		2013*	
	Keluasan bertanam (ha)	Pengeluaran padi (mt)	Keluasan bertanam (ha)	Pengeluaran padi (mt)	Keluasan bertanam (ha)	Pengeluaran padi (mt)
Johor	3,022	11,477	2,787	11,314	2,797	10,802
Kedah	215,930	878,430	219,559	1,021,460	217,918	940,561
Kelantan	70,939	272,805	73,762	278,348	73,104	273,652
Melaka	2,228	7,505	2,544	8,590	2,501	8,056
N. Sembilan	2,016	6,447	2,475	11,143	2,319	9,248
Pahang	8,351	27,110	7,385	29,452	7,608	27,196
Perak	82,150	323,445	83,342	344,219	81,815	337,058
Perlis	52,075	232,674	52,003	236,076	52,073	224,229
P. Pinang	25,564	144,613	25,564	144,946	25,564	144,398
Selangor	37,460	221,295	37,599	218,363	37,520	215,119
Terengganu	17,851	77,796	17,873	78,651	17,629	76,021
Sem. Malaysia	517,586	2,203,597	524,893	2,382,561	520,848	2,266,341
Sabah	43,331	132,253	43,485	152,142	43,118	146,858
Sarawak	127,023	242,669	123,962	215,701	124,241	213,683
Malaysia	687,940	2,578,519	692,340	2,750,404	688,207	2,626,881

Nota: Dipetik daripada Statistik Tanaman; Sub-Sektor Tanaman Makanan, 2013.

Walaupun begitu, negeri Kelantan masih mengalami keadaan naik turun dalam jumlah kutipan zakat padi pada hari ini (*Laporan Zakat Tahunan MAIK, 2012*). Berbanding dengan negeri-negeri lain seperti Kedah dan Selangor yang kutipan zakat padi adalah meningkat pada setiap tahun (*Laporan Zakat Tahunan Negeri Kedah dan Selangor, 2012*). Tanaman padi pada masa kini telah diusahakan secara komersial oleh para petani. Mereka lebih dikenali sebagai usahawan padi. Hasil pertanian mereka ini dikenakan zakat pertanian. Terdapat dua isu besar yang dibangkitkan dalam kajian ini. Isu pertama, apakah patut hasil pertanian yang dijalankan oleh para usahawan padi ini dikenakan zakat

pertanian, sedangkan mereka mengusahakan pertanian tersebut secara komersial? Persoalannya, apakah pandangan pengamal zakat dan Ahli Majlis Fatwa Negeri terhadap kaedah taksiran zakat hasil pertanian yang diusahakan oleh usahawan padi di Kelantan? Jika masih dikenakan zakat pertanian, bagaimanakah pula kos tanaman dibenarkan ditolak daripada hasil pertanian yang diperoleh? Bagaimanakah pula belanja sara hidup keluarga petani berkenaan? Apakah terdapat kaedah alternatif taksiran zakat hasil pertanian komersial yang boleh diamalkan oleh usahawan padi khususnya di Kelantan dan umumnya di Malaysia?

Isu kedua, terdapatnya percanggahan fatwa zakat pertanian padi di Kelantan. Hal ini adalah merujuk kepada Mesyuarat Jemaah ‘Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada 12 September 1999 tentang zakat padi daripada projek penanaman padi yang diusahakan secara ladang telah membuat fatwa seperti berikut:

- 1) Bahawa padi yang dihasilkan daripada projek penanaman padi secara estet diwajibkan zakat ke atas pemilik-pemilik tanah apabila cukup nisabnya berdasarkan atas pendapatan bersih masing-masing setelah ditolak kos pengurusan projek yang dikeluarkan oleh agensi pelaksana.
- 2) Bagi tujuan menyelaraskan serta memudahkan urusan pengeluaran zakat tersebut, agensi pelaksana boleh mengeluarkan zakat bagi pihak pemilik-pemilik tanah setelah mendapat persetujuan masing-masing.

Bagi situasi di Kelantan sekarang, penanam padi secara individu walaupun diusahakan secara komersial tidak dibenarkan menolak kos tanaman daripada hasil padi yang diperoleh. Berdasarkan isu-isu dan persoalan-persoalan inilah, kajian ini dilakukan.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini secara umumnya bertujuan mengenal pasti dan menganalisis taksiran zakat yang dikenakan ke atas hasil padi yang diusahakan secara komersial oleh usahawan padi di negeri Kelantan. Objektif kajian ini secara khusus adalah seperti berikut;

- 1) Menenal pasti dan menganalisis kaedah taksiran zakat padi yang diamalkan di negeri-negeri di Malaysia dan secara khususnya di negeri Kelantan;
- 2) Menganalisis kaedah taksiran zakat padi dalam kalangan usahawan padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) terhadap kos tanaman dan kos sara hidup dalam membuat taksiran zakat hasil padi; dan
- 3) Mencadangkan kaedah alternatif taksiran zakat padi yang dijalankan secara komersial oleh usahawan padi khususnya di Kelantan dan umumnya di Malaysia.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan kepada pernyataan masalah dan objektif kajian yang telah dikemukakan sebelum ini, timbul persoalan-persoalan yang memerlukan kajian ini dilaksanakan.

Persoalan-persoalan tersebut antaranya:

- i) Apakah asas-asas taksiran zakat pertanian, khususnya padi di Malaysia?
- ii) Bagaimanakah manual taksiran dan fatwa zakat padi yang diguna pakai oleh negeri-negeri di Malaysia dan secara khususnya di negeri Kelantan?
- iii) Bagaimanakah amalan taksiran zakat padi yang dipraktikkan oleh negeri-negeri di Malaysia dan secara khususnya di negeri Kelantan?
- iv) Bagaimanakah kaedah taksiran zakat hasil pertanian yang diusahakan oleh usahawan padi di Kelantan?
- v) Adakah kos tanaman dan kos sara hidup dibenarkan ditolak dalam membuat taksiran zakat hasil padi yang diusahakan secara komersial?

- vi) Apakah patut dikekalkan kaedah taksiran zakat padi yang sedang diusahakan hari ini?
- vii) Adakah patut taksiran zakat padi dikira setelah ditolak kos tanaman usahawan padi sebelum zakat dikeluarkan?
- viii) Adakah patut taksiran zakat padi dikira setelah ditolak kos sara hidup usahawan padi sebelum zakat dikeluarkan?

Oleh itu, untuk melihat hubungan antara objektif dengan persoalan kajian adalah berdasarkan kepada Jadual 1.2 di bawah ini:-

Jadual 1.2: Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian

Objektif Kajian	Persoalan Kajian
1) Mengenal pasti dan menganalisis kaedah taksiran zakat padi yang diamalkan di negeri-negeri di Malaysia dan secara khususnya di negeri Kelantan?	<ul style="list-style-type: none"> i) Apakah asas-asas taksiran zakat pertanian, khususnya padi di Malaysia? ii) Bagaimanakah manual taksiran dan fatwa zakat padi yang diguna pakai oleh negeri-negeri di Malaysia dan secara khususnya di negeri Kelantan? iii) Bagaimanakah amalan taksiran zakat padi yang dipraktiskan oleh negeri-negeri di Malaysia dan secara khususnya di negeri Kelantan?
2) Menganalisis kaedah taksiran zakat padi dalam kalangan usahawan padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) terhadap kos tanaman dan kos sara hidup dalam membuat taksiran zakat hasil padi.	<ul style="list-style-type: none"> iv) Bagaimanakah kaedah taksiran zakat hasil pertanian yang diusahakan oleh usahawan padi di Kelantan? v) Adakah kos tanaman dan kos sara hidup dibenarkan ditolak dalam membuat taksiran zakat hasil padi yang diusahakan secara komersial?

<p>3) Mencadangkan kaedah alternatif taksiran zakat padi yang dijalankan secara komersial oleh usahawan padi khususnya di Kelantan dan umumnya di Malaysia.</p>	<p>vi) Apakah patut dikekalkan kaedah taksiran zakat padi yang sedang diusahakan pada hari ini?</p> <p>vii) Adakah patut taksiran zakat padi dikira setelah ditolak kos tanaman usahawan padi sebelum zakat dikeluarkan?</p> <p>vii) Adakah patut taksiran zakat padi dikira setelah ditolak kos sara hidup usahawan padi sebelum zakat dikeluarkan?</p>
---	--

1.6 DEFINISI OPERASIONAL

Bagi melancarkan perbincangan, tiga istilah penting dijelaskan definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini. Istilah yang pertama ialah taksiran zakat. Istilah yang kedua ialah usahawan padi dan yang ketiga ialah pertanian komersial. Istilah yang keempat ialah kos tanaman dan istilah yang terakhir ialah kos sara hidup. Berikut dihuraikan definisi operasional istilah-istilah tersebut.

1.6.1 Taksiran Zakat

Perakaunan zakat dalam bahasa Arab ialah *muḥāsabat al-zakat*. Dari segi istilah pula bermaksud satu bidang ilmu perakaunan untuk menentukan dan menilai harta yang diwajibkan zakat, menentukan kadarnya, membuat taksiran zakat yang dikenakan dan memungut serta mengagihkan zakat yang dipungut kepada penerima zakat berdasarkan kaedah yang telah ditetapkan oleh syarak (Ḥusayn Syāḥātah, 2003).

Perakaunan zakat juga merupakan satu cabang dalam ilmu sains sosial yang bertujuan menerangkan ukuran kegiatan harta tertentu dan merekodkan urus niaga kewangan berdasarkan prinsip-prinsip ilmiah yang tertentu dan menerangkan hasil yang diperoleh untuk kegunaan masyarakat dan pihak yang berkepentingan dalam perniagaan

(Muḥammad Kamāl ‘Aṭīyaṭ, 1993). Menurut Syed Othman Alhabshi (2003), perakaunan zakat ke atas semua kekayaan yang tidak terdapat pada masa dahulu haruslah *diqiyaskan* kepada salah satu daripada lima jenis harta yang telah ditentukan oleh para *fuqahā’* iaitu emas dan perak, perniagaan, pertanian, ternakan dan hasil bumi.

Mujaini Tarimin (1995), perakaunan zakat pertanian terbahagi kepada dua kategori. Pertama, kaedah perakaunan zakat berasaskan kos tanaman. Sekiranya kos tanaman memerlukan kos yang mahal, zakat yang dikenakan adalah kecil. Sebaliknya, pengeluaran yang memerlukan kos yang murah, zakat yang dikenakan adalah tinggi. Kedua, berasaskan cara taksiran iaitu sama ada modal dan pendapatan ditaksir secara bersama atau berasingan. Misalnya, zakat perniagaan, modal dan pendapatan ditaksirkan bersama, maka kadarnya diringankan kepada 2.5 peratus. Manakala pendapatan yang ditaksirkan berasingan seperti zakat pertanian, kadarnya 5 peratus atau 10 peratus.

Oleh itu, skop taksiran zakat adalah sebahagian daripada perakaunan zakat. Konsep taksiran zakat yang digunakan dalam kajian ini meliputi penentuan nisab, penentuan kadar zakat dan kaedah taksiran zakat yang dikenakan.

1.6.2 Usahawan Padi

Definisi usahawan ialah seorang yang berusaha untuk mengatur, mengurus dan mengambil risiko dalam bidang perniagaan. Usahawan juga merupakan pemangkin kepada perubahan ekonomi yang menggunakan carian dengan maksud tertentu, melakukan perancangan teliti dan membuat pertimbangan yang sesuai apabila membuat proses perniagaan. Dengan bersifat optimistik dan komited, seorang usahawan bekerja secara kreatif untuk memperoleh sumber baru atau memperbaharui sumber yang lama kepada kapasiti yang baru. Semua ini bertujuan memperoleh keuntungan (Kuratko dan Hodgetts, 1995).

Seseorang usahawan boleh ditakrifkan sebagai seorang yang mewujudkan perniagaan baru dalam menghadapi risiko dan ketidakpastian bagi tujuan mencapai keuntungan dan pertumbuhan dengan mengenal pasti peluang dan pemasangan yang diperlukan sumber untuk mengambil kesempatan ke atas mereka (Zimmerer dan Scarborough, 2002). Naffziger, Hornsby dan Kuratko (1994) menggambarkan seorang usahawan sebagai individu yang bertanggungjawab untuk mengatur, mengurus dan menanggung risiko dalam perniagaan. Dalam perkembangan yang lebih positif, Ab. Aziz Yusof (2001) menyatakan bahawa sesiapa sahaja boleh menjadi seorang usahawan selagi seseorang memperoleh kreativiti dan inovasi, sanggup untuk mengambil risiko dan bekerja keras untuk membangunkan dan mengoptimalkan potensi diri melalui material walaupun peluang sedikit atau kemungkinan wujud.

Dari segi bahasa, usahawan boleh didefinisikan sebagai orang yang mengusahakan sesuatu perusahaan. Oleh itu, istilah untuk usahawan padi boleh didefinisikan sebagai petani yang mengusahakan dan memasarkan sendiri hasil pertanian yang dijalankan oleh mereka (Jabatan Pertanian, 2010). Definisi inilah yang akan digunakan dalam kajian ini.

1.6.3 Pertanian Komersial

Pertanian komersial bermakna lebih daripada pemasaran keluaran pertanian yang berdasarkan pemilihan produk dan input keputusan penggunaan melalui prinsip-prinsip memaksimumkan keuntungan. Orentasi semula pertanian komersial melibatkan makanan utama atau ruji serta tanaman kontan yang tinggi nilainya (Prabhu L. Pingali, 1997).

Pertanian komersial juga dikatakan melibatkan risiko yang lebih besar, yang meningkatkan kemungkinan hutang, mengurangkan kawalan petani terhadap pengeluaran, meningkatkan pergantungan mereka kepada agensi-agensi atau institusi di luar (Gudeman, 1978).

Bagi Fatimah (2005), pertanian komersial adalah menguntungkan bukan lagi aktiviti tradisional bagi menampung keperluan makanan seisi rumah semata-mata yang menggunakan tulang empat kerat, sebaliknya satu industri yang dibangunkan dengan jentera dan peralatan moden dan bernilai untuk pasaran eksport.

Bidang pertanian komersial merujuk kepada kegiatan pertanian yang diusahakan dalam bentuk perladangan dengan hasil produktiviti dalam skala besar, jumlah keluasan tanah yang diusahakan luas, berdaya maju dan dimajukan dengan tanaman yang berpotensi untuk jualan bagi meningkatkan pendapatan dan menambah nilai guna tanah untuk pulangan yang bersifat komersial (Norhasni Zainal Abidin, 2008). Oleh itu, konsep pertanian komersial yang akan digunakan dalam kajian ini adalah kegiatan pertanian yang diusahakan dalam bentuk perladangan, hasil pengeluaran yang banyak, berdaya maju dan tanaman yang berpotensi bagi meningkatkan pendapatan.

1.6.4 Kos Tanaman

Kos tanaman boleh dibahagikan kepada tiga iaitu kos input, kos tenaga kerja dan kos-kos lain. Antara kos tersebut adalah seperti benih, baja, racun, jentera pembajak, upah membaja, upah merata tanah, upah mengangkut padi dan cukai tanah (Nor Aini Ali, 2015). Bagi JAWHAR (2008), terdapat empat jenis kos tanaman padi yang dibenarkan ditolak. Pertama, kos baja dan racun; kedua, kos sewa jika berkaitan; ketiga, kos upah tenaga kerja dan penuaian; dan keempat, kos pengangkutan yang terlibat.

1.6.5 Kos Sara Hidup

Kos sara hidup merupakan pengiraan kos yang terpaksa ditanggung oleh seseorang, atau satu keluarga (jika telah berkeluarga) untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal dan keperluan-keperluan untuk kesejahteraan hidup (Takhiah Mohd. Iskandar, 1991). Bagi Nor Aini Ali (2010), kos sara hidup merangkumi makanan, tempat tinggal, pakaian, perubatan, bil telefon, bil air, bil elektrik dan pengangkutan.

1.7 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Skop kajian ini tertumpu kepada taksiran zakat pertanian, khususnya tanaman padi di Kelantan. Walau bagaimanapun, bagi menjadikan kajian ini lebih terfokus, beberapa batasan kajian telah ditetapkan sebagaimana berikut:

- i. Batasan jenis zakat: Kajian ini hanya meneliti kaedah taksiran zakat pertanian yang diusahakan oleh usahawan padi di Kelantan.
- ii. Batasan negeri: Kajian ini hanya dijalankan ke atas negeri Kelantan sahaja. Justifikasi⁸ pemilihan negeri Kelantan adalah negeri Kelantan antara pengeluar utama padi di Malaysia (Jabatan Pertanian Malaysia, 2013).
- iii. Batasan responden: Responden hanya dihadkan kepada tiga kategori. Kategori pertama ialah pengamal zakat iaitu Pegawai dan Penolong Pegawai Zakat MAIK dan Ahli Majlis Fatwa Negeri Kelantan iaitu Mufti dan Timbalan Mufti Kelantan. Kategori kedua ialah usahawan padi dan pegawai pertanian. Dan kategori ketiga ialah ahli akademik dalam bidang berkaitan zakat khususnya zakat pertanian.
- iv. Batasan masa: Kesemua data yang diperolehi dan digunakan dalam kajian ini adalah bermula daripada tahun 2011 hingga tahun 2015 sahaja.

⁸ Justifikasi pemilihan negeri Kelantan dijelaskan secara lebih mendalam dalam bab Kaedah Penyelidikan.

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Setakat ini pelbagai kajian dan penulisan telah dilakukan terhadap ibadah zakat secara umumnya sebagaimana yang dibincangkan dalam Bab Dua iaitu kajian lepas dan sorotan karya tesis ini. Namun, kajian ini cukup penting untuk dijalankan atas tiga sebab berikut:

- i. Kajian-kajian terdahulu tentang zakat lebih tertumpu kepada pengurusan dan pentadbiran zakat, kutipan dan agihan zakat, hukum dan perundangan zakat serta bentuk harta yang dikenakan zakat. Kajian mengenai perakaunan zakat khususnya dari sudut taksiran zakat pertanian masih kurang diteliti.
- ii. Dari segi taksiran zakat pertanian, ia merupakan bidang baru dalam sistem muamalat Islam yang akan dapat membantu masyarakat Islam di Malaysia dalam menentukan kaedah pengiraan zakat yang sepatutnya dikenakan ke atas hasil pertanian yang dijalankan secara komersial.
- iii. Adapun kajian terhadap taksiran zakat pertanian yang diteliti secara umum tanpa mengemukakan alternatif-alternatif kaedah taksiran zakat hasil pertanian komersial yang boleh diamalkan oleh usahawan padi di Malaysia.

1.9 ORGANISASI TESIS

Penulisan tesis ini dibahagikan kepada tujuh bab. Bab pertama membincangkan pengenalan berkenaan kajian iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasional, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, dan organisasi kajian.

Bab kedua kajian ini membincangkan berkenaan dengan kajian lepas dan sorotan karya. Selain daripada menyorot karya dan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian ini, ia juga membawa kepada pembentukan kerangka konseptual kajian.

Bab ketiga kajian memfokuskan terhadap kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Ia meliputi empat bahagian. Bahagian pertama ialah reka bentuk kajian yang digunakan. Bahagian kedua ialah kaedah pengumpulan data. Bahagian ketiga ialah kaedah penganalisan data. Dan bahagian terakhir ialah tatacara penyelidikan.

Analisis ke atas dapatan kajian dibincangkan dalam bab keempat hingga keenam. Bab keempat bertujuan menjawab soalan-soalan kajian dalam objektif pertama. Perbahasan dalam bab ini bertujuan untuk mencapai objektif yang pertama kajian iaitu mengenal pasti dan menganalisis kaedah taksiran zakat padi yang diamalkan di negeri-negeri di Malaysia dan secara khususnya di negeri Kelantan.

Bab kelima bertujuan mencapai objektif kedua kajian iaitu menganalisis pandangan usahawan padi dan pegawai pertanian terhadap kos tanaman dan kos sara hidup dalam membuat taksiran zakat hasil padi. Bab ini memerihalkan pelbagai penemuan kajian berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada temu bual mendalam bersama responden kajian.

Bab keenam pula bertujuan mencapai objektif ketiga kajian iaitu merumus serta mencadangkan kaedah alternatif taksiran zakat hasil pertanian komersial yang boleh diamalkan oleh usahawan padi khususnya di Kelantan dan umumnya di Malaysia.

Akhirnya, bab ketujuh akan merangkumi kesimpulan dan juga rumusan keseluruhan kajian yang dilakukan. Bab ini juga turut membincangkan tentang implikasi kajian, sumbangan kajian serta membincangkan cadangan kajian masa hadapan.

BAB 2

KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA

2.1 PENDAHULUAN

Berdasarkan perbincangan dalam bab pertama, kajian ini bertujuan meneliti kaedah taksiran zakat usahawan padi di Kelantan. Bagi tujuan tersebut, perbincangan dalam bab kedua ini akan meneliti kajian-kajian lepas dan karya-karya terdahulu yang mempunyai hubung kait dengan kajian ini.

Penelitian tentang kajian-kajian lepas adalah bertujuan mengenal pasti lompang kajian manakala, penelitian terhadap karya-karya terdahulu pula bagi mengenal pasti tentang isu-isu yang menjadi perbincangan penting dalam kajian ini. Seterusnya, daripada penelitian terhadap sorotan karya-karya terdahulu akan membantu dalam pembentukan kerangka konseptual kajian.

2.2 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Kajian-kajian berkaitan zakat yang sedia ada boleh dibahagikan kepada empat bahagian. Pertama, kajian tentang jenis dan hukum zakat. Kedua, kajian tentang pengurusan, pungutan dan agihan zakat. Ketiga, kajian tentang perakaunan zakat. Keempat, kajian tentang taksiran zakat pertanian.